

25 OCT 1998

Mustapa-peruntukan

JABATAN KERAJAAN DIMINTA GUNA SEPENUHNYA PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

KOTA BAHARU, 25 Okt (Bernama) -- Semua jabatan kerajaan diminta menggunakan sepenuhnya peruntukan pembangunan masing-masing bagi memastikan keberkesanan usaha kerajaan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata kementerian telah mengeluarkan arahan kepada semua ketua jabatan kerajaan untuk menghabiskan peruntukan pembangunan dalam tahun semasa tanpa ada sebarang kelewatan.

"Ini penting kerana kita hendak galakkan pertumbuhan ekonomi serta memastikan projek pembangunan disegerakan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat kedudukan ekonomi dan politik semasa kepada ketua-ketua jabatan persekutuan Kelantan di sini, hari ini.

Beliau berkata ketua-ketua jabatan juga diminta memastikan setiap kesulitan yang dihadapi bagi melaksanakan sesuatu projek pembangunan seperti masalah tanah dan kontraktor diatasi segera tanpa menjejaskan projek yang dirancang itu.

Beliau juga meminta ketua-ketua jabatan supaya terus mengamalkan dasar berjimat cermat dalam pengurusan bagi memastikan ada simpanan untuk mengukuhkan ekonomi negara.

Mustapa berkata walaupun ada tanda-tanda bahawa ekonomi negara semakin pulih, ketua-ketua jabatan mempunyai peranan penting dalam dasar berjimat cermat membabitkan perbelanjaan mengurus seperti tuntutan kerja lebih masa dan perjalanan kakitangan awam.

Mengenai Belanjawan Negara 1999 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lepas, Mustapa berkata walaupun ia belanjawan defisit, kerajaan tetap komited terhadap kepentingan rakyat dengan menambah peruntukan bagi sektor pendidikan, kesihatan dan infrastruktur desa.

"Sektor ini penting bagi memastikan golongan berpendapatan rendah tidak terjejas (ekoran kegawatan ekonomi)," katanya.

Menurutnya sektor pendidikan menerima peruntukan RM12.4 bilion bagi 1999 berbanding RM13.5 bilion pada 1998, sektor perubatan dan kesihatan RM4.51 bilion (1999) berbanding RM4.19 billion (1998) dan sektor pembangunan desa RM1.1 bilion (1999) berbanding RM962 juta (1998).

Ditanya mengenai pembabitan kakitangan kerajaan dalam gerakan reformasi bagi menentang kerajaan, Mustapa berkata perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana kakitangan awam sepatutnya berperanan membantu kerajaan.

Kakitangan dan pegawai kerajaan yang diamanahkan dengan tanggungjawab melaksanakan dasar kerajaan perlu melakukannya dengan disiplin dan taat setia serta tidak seharusnya terbabit dalam kegiatan yang boleh menjejaskan usaha pemulihan ekonomi.

"Kita tidak mahu kestabilan negara tergugat oleh anasir yang cuba menjahanamkan negara demi kepentingan peribadi mereka," katanya.

-- BERNAMA

RAR NAK